

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR
SESI I: 2023/2024**

SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN

**SMP 30123
E-PORTFOLIO**

Tiga (3) jam Tiga Puluh (30) minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab semua soalan.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

SHOWCASE merupakan acara yang biasanya dianjurkan oleh institusi pendidikan untuk mempamerkan hasil kerja pelajar yang sedang menamatkan sijil , diploma atau ijazah mereka. Pameran ini memberi peluang kepada pelajar untuk mempamerkan kemuncak usaha akademik dan kreatif mereka semasa berada di institusi. Acara itu mungkin termasuk pelbagai projek, karya seni, persembahan atau persembahan bergantung pada sifat program. **CLO 3**

Berdasarkan pada pernyataan di atas, anda dikehendaki merancang satu aktiviti *SHOWCASE* untuk mempersembahkan hasil projek penilaian akhir subjek bagi semester tiga. Anda juga dikehendaki menghasilkan sebuah VIDEO RESUME yang mengintegrasikan segala perancangan dan aktiviti *showcase* dan persembahan resume portfolio.

Video yang dihasilkan adalah dalam format *.mp4. Saiz video adalah 1920 x 1080 pixel dengan kadar kerangka 25fps. Video yang dihasilkan perlu dihantar melalui link *Google Drive* yang akan diberikan oleh pensyarah. Anda juga perlu menyediakan laporan ringkas daripada hasil pembikinan video tersebut. Segala butiran seperti yang berikut :

- a) Melaksanakan aktiviti pembentangan *showcase*.
 - i. Menerangkan proses mengatur *showcase* dengan urutan yang tepat dan jelas.
(15 markah)
 - ii. Membentangkan dengan suara yang jelas dan sangat yakin.
(15 markah)

- iii. Menghuraikan penjelasan bagi setiap pertanyaan dengan tepat dan sangat jelas.
(15 markah)
 - iv. Mengatur organisasi *showcase* dan pengurusan masa yang efektif.
(15 markah)
- b) Intergrasikan komponen portfolio melalui video resume.
- i. Membangunkan video resume dengan kandungan yang khusus
(15 markah)
 - ii. Membangunkan video resume dengan pelbagai shot dan komposisi yang bersesuaian.
(15 markah)
 - iii. Membangunkan video yang disunting dengan penggunaan audio
(10 markah)

SOALAN TAMAT**Selamat Menjawab**